

IMPLEMENTASI DASAR SOSIAL DI MALAYSIA DAN INDONESIA: PERBANDINGAN KONSEP

Mohamad Zahir Zainudin¹, Roziah Omar²

¹Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Malaysia

²Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Emel: mzahir@utem.edu.my, roziahomar@mohe.gov.my

ABSTRAK

Pembangunan sosial merupakan sebahagian daripada penyumbang kepada kemajuan negara. Kerangka pembangunan ekonomi yang mendasari kemajuan negara-negara dunia lebih lima dekad yang lalu semakin diselaraskan dengan kerangka pembangunan sosial kerana implikasi yang besar ke atas pembangunan manusia dan alam sekitar. Penekanan ke atas pembangunan sosial yang bermula sekitar tahun 1980-an telah dilihat penting demi kelestarian dan kemajuan sesebuah negara. Bentuk dan corak pentadbiran di Malaysia dan Indonesia mempengaruhi pembangunan sosial kedua-dua buah negara. Situasi sosial jauh berbeza berdasarkan jumlah penduduk, perubahan-perubahan yang berlaku dan trend dalam sejarah pembangunan negara. Perbezaan ini wujud disebabkan usaha-usaha pembasmian kemiskinan yang dilakukan oleh kedua-dua buah negara bergerak pada kadar yang tidak sekata. Pembentukan dasar sosial menjadi bertambah penting untuk mengurus komuniti yang semakin berkembang dan kompleks. Dasar sosial di Malaysia dikenali sebagai Dasar Sosial Negara manakala di Indonesia dikenali sebagai Sistem Jaminan Sosial Nasional. Dalam melaksanakan perancangan pembangunan sosial, persekitaran semula jadi dalam hubungan di antara pelaksana dasar dan kumpulan sasaran adalah sama penting dengan kandungan dasar. Impak dasar sosial dalam pendidikan, kesihatan dan kerjaya, kerap kali bergantung kepada aktiviti yang terlibat dalam kalangan individu dan komuniti. Memberi tumpuan kepada hubungan dan interaksi ini dapat meningkatkan kefahaman impak dasar sosial dalam kalangan komuniti di Malaysia dan Indonesia.


Kata Kunci: *dasar sosial, pembangunan sosial, impak, Dasar Sosial Negara, Sistem Jaminan Sosial Nasional.*

1.0 PENGENALAN

Sejak 50 tahun lalu, pengalaman pembangunan memperlihatkan perdebatan dalam peranan kerajaan bagi membangunkan masyarakat dan negara. Masing-masing meneliti dan memerhati perkembangan masyarakat dan sistem sosiobudaya manusia serta menelaah fenomena kemodenan ini dengan kaca mata dan perspektif sendiri. Golongan ekonomis mempunyai gagasan pembangunan dan tahap perkembangannya. Golongan politikus mempunyai gagasan perkembangan sistem politik global. Golongan sosiologis memaparkan pandangan serta kerangka pemikiran kemasyarakatan (Zainal Kling, 2005).

Pembangunan berteraskan ekonomi ini menyaksikan negara Jepun menjadi kuasa baru ekonomi dunia pada tahun 1970-an. Kelompok kedua ialah kemunculan Taiwan, Korea Selatan, Hong Kong dan Singapura menjadi Negara Industri Baru (NIB) sebagai generasi pertama, diikuti Malaysia, Thailand dan Indonesia sebagai NIB generasi kedua. Kepesatan ini telah menambah baik agihan pendapatan, menurunkan kadar kemiskinan dan merapatkan jurang perbezaan ekonomi. Contoh kejayaan ini ialah sepertimana yang dinikmati oleh Malaysia iaitu pengecilan jurang ketaksamaan ekonomi melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) (Shireen Mardziah, 1998; Ishak, 1999; Abdul Rahman, 2003). Seterusnya, perkembangan ekonomi China yang pesat pada abad ke-21 memberi saingan kepada kuasa ekonomi di Amerika Syarikat, Eropah dan Asia sendiri. Ekonomi China yang berkembang pesat menjadi pemacu kepada perkembangan ekonomi dunia pada hari ini (Mengkuai Wang, 2006; Zhongmin Wu, 2009; John Bryan Starr, 2010).

Senario pembangunan berubah setelah keruntuhan blok Kesatuan Soviet, berakhirnya era Perang Dingin, krisis ekonomi Asia 1997/1998, kemunculan China sebagai kuasa ekonomi baru dunia dan krisis mata wang yang melanda Eropah pada akhir 2011. Perubahan ketara ialah pandangan pembangunan tidak lagi memberi tumpuan kepada pertumbuhan sahaja malahan bersifat holistik dan seimbang dengan mengutamakan kesejahteraan sejagat. Justeru, dalam menentukan tahap pencapaian pembangunan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memperkenalkan Matlamat Pembangunan Milenium (Millenium Development Goals) pada September 2002 untuk memperkukuhkan usaha ke arah keamanan, demokrasi, urus tadbir yang baik dan pembasmian kemiskinan secara global (Unit Perancang Ekonomi, 2011).



Rajah 1: Teori dan polisi dalam pengajian pembangunan
(Abdul Rahman, 2003)

Bentuk dan corak pentadbiran di Malaysia dan Indonesia mempengaruhi pembangunan sosial kedua-dua buah negara. Situasi sosial jauh berbeza berdasarkan jumlah penduduk, perubahan-perubahan yang berlaku dan trend dalam sejarah pembangunan negara (Midgley, 1997). Secara perbandingan, Malaysia dan Indonesia memiliki pendapatan perkapita yang berbeza iaitu Malaysia sebanyak US\$8,420 dan Indonesia adalah US\$2,940 (Bank Dunia, 2012). Perbezaan ini wujud disebabkan usaha-usaha pembasmian kemiskinan yang dilakukan oleh kedua-dua buah negara bergerak pada kadar yang tidak sekata. Malaysia telah menggerakkan program pembasmian sejak tahun 1971 apabila memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang menjadikan pembasmian kemiskinan sebagai agenda utama. Di Malaysia, kadar kemiskinan telah menurun sejak merdeka sehingga kini. Pada tahun 1970, kadar kemiskinan ialah 52.4 peratus, 6.8 peratus pada tahun 1997 dan sehingga tahun 2007 masih terdapat 5.1 peratus. Melalui Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) 2006-2010, kerajaan berjaya mengurangkan kadar kemiskinan daripada 5.7 peratus kepada 2.8 peratus pada tahun 2010 dengan peruntukan sebanyak RM11.52 bilion (Malaysia, 2010).

Kemiskinan juga menjadi sebahagian daripada isu utama di Indonesia. Dalam bancian Badan Pusat Statistik (BPS) Indonesia pada 2011, jumlah orang miskin di Indonesia sebanyak 30.02 juta orang atau 12.49 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Indonesia. Penurunan jumlah kemiskinan tersebut dipengaruhi oleh beberapa

faktor. Pertama, bayaran gaji dinaikkan, kedua, kenaikan dalam nilai tukaran harga makanan, dan ketiga, pelaksanaan skim bantuan seperti Bantuan Langsung Tunai (BLT), Biaya Operasional Sekolah (BOS) dan juga Kebijakan Beras untuk Masyarakat Miskin (Raskin).

Semenjak merdeka, kedua-dua buah negara, Malaysia dan Indonesia telah mengalami transformasi yang sangat ketara meliputi aspek ekonomi, sosial, pendidikan, budaya, politik dan teknologi. Melalui pelaksanaan dasar sosial yang berkesan, kehidupan masyarakat bertambah baik dan ramai yang telah mendapat manfaat.

2.0 PENGARUH DASAR SOSIAL KE ATAS PEMBANGUNAN KOMUNITI

Terdapat pengiktirafan yang meluas bahawa dasar sosial dan program-program yang berkaitan dengannya perlu dinilai secara telus bagi menentukan sama ada matlamat pelaksanaan dasar tersebut tercapai ataupun tidak. Biar pun ada anggapan yang menyatakan dasar sosial memberi impak positif, anggapan ini kerap kali dikritik oleh banyak pihak (Midgley dan Livermore, 2009; Chatterjee dan Vadapalli, 2009). Penilaian ini perlu kerana perubahan-perubahan yang berlaku dalam politik dan ekonomi dunia seringkali mempengaruhi keadaan sosial negara. Kerajaan Malaysia dan Indonesia menggunakan pelbagai strategi untuk pembangunan negara masing-masing khususnya ketika bergelut untuk keluar dari krisis ekonomi Asia 1997/98 dan ketaktentuan ekonomi dunia dari tahun 2000 hingga 2010. Tumpuan diberikan kepada pertumbuhan ekonomi untuk memberi pekerjaan kepada rakyat, menarik pelaburan asing dan meneruskan agenda pembasmian kemiskinan. Malaysia memperkenalkan rancangan pembangunan lima tahun yang dikenali Rancangan Malaysia, manakala Indonesia merangka Rancangan Pembangunan Lima Tahun (Repelita). Kedua-dua rancangan ini dirangka dengan harapan dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang sejahtera. Dalam melaksanakan perancangan pembangunan sosial, persekitaran semula jadi dalam hubungan di antara pelaksana dasar dan kumpulan sasaran adalah sama penting dengan kandungan dasar. Impak dasar sosial dalam pendidikan, kesihatan dan kerjaya, kerap kali bergantung kepada aktiviti yang terlibat dalam kalangan individu dan komuniti. Memberi tumpuan kepada hubungan dan interaksi ini dapat meningkatkan kefahaman impak dasar sosial dalam kalangan komuniti di Malaysia dan Indonesia.

Kerajaan kedua-dua buah negara menggunakan tiga pendekatan institusional untuk meningkatkan dan menambah baik kesejahteraan

masyarakat. Pertama, aktiviti derma amal, kedua, kerja sosial, dan ketiga, dasar sosial (Midgley dan Hall, 1995). Derma amal sangat bergantung kepada sumbangan yang bersifat peribadi, aktiviti sukarela dan institusi bukan kerajaan yang bersedia menyediakan peluang untuk perubahan hidup kepada masyarakat. Kerja sosial melibatkan penyertaan kelompok profesional dan semi profesional yang berusaha membantu individu, perkumpulan atau komuniti untuk memenuhi keperluan hidup masyarakat. Manakala dasar sosial ialah program yang berkaitan dengan perkhidmatan atau program sosial yang meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

Keberkesanan dasar sosial ini bergantung kepada keupayaan pelaksanaan intervensi yang diambil oleh kerajaan menerusi pelbagai siri perkhidmatan sebagai tindak balas ke atas masalah sosial, keperluan sosial dan peluang sosial yang diperlukan dalam masyarakat (Latriids, 1994, Siti Hajar, 2006). Komponen utama dalam pelaksanaan dasar sosial ini ialah kebajikan sosial iaitu memenuhi keperluan sosial masyarakat, mengurus masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat dan menyediakan peluang untuk masyarakat memperkasa kesejahteraan hidup mereka. Pemilihan tipologi atau model dasar sosial yang memenuhi keperluan masyarakat akan menjamin kehidupan yang lebih baik.

Dasar sosial yang memberi impak positif dan menambah baik keadaan sosial dalam komuniti akan memberi lebih banyak ruang kepada kesejahteraan hidup. Kepentingan memenuhi keperluan hidup ialah supaya wujudnya keadaan kebajikan sosial untuk makanan, kesihatan, tempat perlindungan, keselamatan dan pekerjaan. Kepentingan mengurus masalah ialah dapat mengawal kadar jenayah dan delikueni, penderaan, keganasan rumah tangga dan pengabaian kanak-kanak. Manakala maksud kewujudan peluang yang maksimum ialah apabila keadaan kebajikan sosial telah terbentuk, individu dan komuniti dapat memaksimumkan peluang bagi mencapai matlamat (Midggley dan Livermore, 2009; Haris Abd. Wahab, 2010).

3.0 INTERVENSI KERAJAAN MENJAYAKAN DASAR SOSIAL

Ramai tokoh dan pengamal dasar sosial percaya bahawa individu dan keluarga tidak dapat memenuhi keperluan sendiri apabila berhadapan dengan kesuraman ekonomi seperti pengangguran. Justeru pada mereka, intervensi pihak kerajaan amat diperlukan. Caranya ialah melalui galakan dalam pertumbuhan ekonomi negara, seterusnya menyediakan peluang pekerjaan. Dalam jangka panjang,

penambahbaikan dalam dasar-dasar kerajaan untuk meningkatkan kebajikan sosial dan mencegah daripada berlakunya masalah-masalah sosial sedang menjadi *trend* di seluruh dunia. Penambahbaikan yang dimaksudkan ialah perkhidmatan, program, peraturan, insentif cukai dan perundangan. Semua ini memberi impak kepada kebajikan sosial komuniti dan negara (Midgley dan Livermore, 2009).

Antara peranan kerajaan ialah memenuhi keperluan komuniti, mengurus masalah sosial dan mengembangkan potensi yang boleh diperolehi oleh setiap warganegara. Faktor yang menyumbang kepada pengembangan ini ialah penggerak sosial, kesatuan sekerja, pemimpin politik di samping proses industrialisasi, perbandaran, perubahan budaya dan pengecilan keluarga. Kerajaan menggunakan pendekatan yang berbeza-beza untuk memastikan dasar sosial memberi impak kepada komuniti. Walaupun mereka merangka dasar dan menguatkuasakan peraturan dengan harapan dapat meningkatkan kesejahteraan hidup, masih terdapat cara lain yang bersifat intervensi seperti melalui aktiviti ekonomi, pengangkutan, persekitaran dan dasar-dasar awam yang lain.

Dasar sosial kerajaan telah diakui dan dilaksanakan melalui perundangan. Pelbagai jenis undang-undang dan peraturan digunakan untuk menyokong kebajikan sosial seperti membenarkan sesetengah agensi kerajaan memperkenalkan perkhidmatan terkini, menukar perkhidmatan sedia ada atau menghentikan perkhidmatan yang usang. Peruntukan kerajaan juga menentukan cara dan bagaimana program-program sosial ini dilaksanakan. Pada masa yang sama, cukai yang dikutip oleh kerajaan untuk menggalakkan kebajikan dalam komuniti dikawal oleh perundangan. Peruntukan seperti ini digunakan untuk membiayai pelbagai jenis program bagi menyokong pemenuhan keperluan ke atas kumpulan sasar. Perkhidmatan sosial seringkali diangkat sebagai kaedah utama kepada kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan komuniti. Di seluruh dunia, banyak negara merangka dasar dan menguatkuasakannya bagi membolehkan perkhidmatan sosial beroperasi dan mencapai matlamat. Perkhidmatan sosial yang dimaksudkan merangkumi bidang kesihatan, pendidikan, perumahan, jaminan pendapatan dan kebajikan keluarga. Menggunakan perundangan untuk membentuk program-program perkhidmatan sosial dan pembiayaan ke atas program-program seperti ini, kerajaan juga merangka undang-undang yang memberi mandat kepada penambahbaikan kebajikan sosial. Mekanisme ini dikenali sebagai peraturan berkanun (*statutory regulation*). Kaedah ini memerlukan majikan, rumah penjagaan, institusi pendidikan, firma komersil, hospital dan sebagainya untuk menyesuaikan banyak perkara yang

memberi kesan langsung ke atas kebajikan sosial. Banyak bidang kebajikan termasuk perumahan, kesihatan, penjana pendapatan, pekerjaan dan pendidikan yang ditentukan oleh peraturan ini. Gaji minimum, kawalan sewa, tindakan afirmatif, kehadiran ke sekolah, keselamatan di tempat kerja dan sebagainya memberi impak ke atas kebajikan orang ramai.

Kaedah lain di mana kerajaan mempengaruhi kebajikan sosial ialah melalui sistem cukai. Penggunaan sistem cukai untuk tujuan sosial dikenali sebagai kebajikan fiskal (*fiscal welfare*). Contohnya, kerajaan Malaysia menguruskan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebagai cara menabung selepas bersara yang beroperasi melalui penyimpanan wajib untuk menyediakan faedah persaraan kepada orang awam, sektor swasta dan institusi bukan berpencen. Di Indonesia dikenali sebagai Jamsostek dengan mengadakan peruntukan bagi perlindungan insurans kemalangan kerja, kumpulan wang simpanan dan insurans kematian. Selain daripada perundangan dan badan eksekutif, institusi kehakiman turut memberi sumbangan besar kepada kebajikan sosial melalui proses kehakiman. Fungsi mahkamah dalam dasar sosial ialah menjelaskan hal ehwal perundangan dan membuat keputusan muktamad ke atas kes-kes yang memberi impak kepada kebajikan individu atau kelompok tertentu. Impak tersebut merangkumi hak asasi, imigresen, langkah-langkah pencegahan dan pengangguran. Selain itu mahkamah turut berperanan menyelesaikan tuntutan kewangan ke atas perbalahan keluarga seperti pendidikan anak-anak dan kebajikan ibu tunggal.

4.0 PEMBANGUNAN SOSIAL DI MALAYSIA

Matlamat pembangunan sosial di Malaysia ialah menyelesaikan masalah kemiskinan yang telah didokumentasikan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) 1971-1990. Pembangunan sosial di Malaysia telah melalui tiga dekad kemajuan bersama pembangunan ekonomi yang memberangsangkan, membenarkannya untuk memberikan nikmat kesihatan dan pendidikan kepada rakyat, membasmi kemiskinan dalam skala besar, membina infrastruktur hebat dan menjadi pengeksport global yang utama. Malah Malaysia telah mencapai detik penentu dalam laluan pembangunannya di mana transformasi ekonomi, sosial dan kerajaan yang signifikan adalah penting untuk mencapai Wawasan 2020. Sehingga kini kerajaan telah mewujudkan sebuah rangka kerja merangkumi empat tonggak untuk memacu perubahan iaitu Enam Bidang Keberhasilan Utama Negara dalam Program Transformasi Kerajaan, 12 Bidang Ekonomi Penting

Negara daripada Program Transformasi Ekonomi, pembaharuan ekonomi strategik dalam Model Baru Ekonomi dan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Empat pilar ini menjadi teras untuk membawa Malaysia ke arah negara maju, menekankan keterangkuman dan kemampuan. Begitu juga dengan pendekatan terhadap pembangunan ekonomi dan sosial yang mengguna pakai suatu perubahan yang radikal bagi membolehkan Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi (PBB, 2011).

Di peringkat global, pengukuran kemajuan Malaysia dilakukan berdasarkan pencapaian negara ini dalam Matlamat Pembangunan Milenium (MDG). Selepas melalui dua pertiga tempoh ke tahun 2015, Malaysia telah mencatatkan kemajuan ketara ke arah pencapaian kebanyakan matlamat. Laporan dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 2011 tentang kemajuan MDG Malaysia dalam pembasmian kemiskinan, terdapat pengurangan yang ketara iaitu berkurangan daripada 17 peratus pada tahun 1990 kepada lapan peratus pada tahun 2000 dan di bawah empat peratus pada tahun 2009. Kadar kemiskinan dijangka semakin berkurangan kerana kerajaan Malaysia sangat komited kepada agenda *MDG-Plus* melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh dengan 30 peratus perbelanjaan pembangunan lima tahun diperuntukkan kepada sektor sosial. Malaysia juga memberi komitmen kepada Program Transformasi Kerajaan bagi menyokong Model Baru Ekonomi dan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Program Transformasi Kerajaan memberi tumpuan kepada penyampaian perkhidmatan melalui prinsip atau konsep *1Malaysia "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"* yang merangkumi pengurangan jenayah, memerangi rasuah, memperbaiki pencapaian pelajar, meningkatkan taraf hidup keluarga berpendapatan rendah, menambah baik infrastruktur asas luar bandar serta menambah baik pengangkutan awam bandar.

Kemajuan Malaysia dalam pembangunan sosial melalui peningkatan taraf hidup keluarga berpendapatan rendah telah mula menampakkan hasil selepas koordinasi pelbagai agensi yang lebih teratur melalui portal *e-Kasih*, proses kelulusan permohonan yang singkat dan tahap kecekapan agensi pemberi bantuan yang semakin baik. Penetapan gaji minimum bulanan sebanyak RM900 di Semenanjung Malaysia dan RM800 di Sabah, Sarawak dan Labuan pada tahun 2012 dapat memenuhi keperluan asas pekerja dan keluarga mereka, meningkatkan produktivi dan melonjakkan perniagaan pihak swasta (Bernama, 2012). Pertumbuhan ekonomi diperakui sebagai prasyarat kepada pembangunan negara tetapi keberkesanan ekonomi semata-mata tidak akan menjamin kesejahteraan rakyat yang menyeluruh. Pembangunan negara perlu berpaksikan kepada kerangka pembangunan yang

komprehensif di mana kemajuan ekonomi perlu diimbangi dengan pembangunan dan kemajuan sosial. Sebuah negara yang sedang memacu ke arah peningkatan kualiti hidup untuk semua seharusnya tidak membataskan konsep kemajuan kepada aspek-aspek yang boleh diukur secara kuantitatif sahaja. Penekanan kepada aspek kualitatif seperti kemantapan sosial, nilai-nilai moral, kekuatan intelektual dan keutuhan budaya perlu diberi perhatian yang saksama. Matlamat utama pembangunan sebenarnya adalah untuk mencapai kesejahteraan secara menyeluruh.

Pembangunan sosial merupakan satu proses pembangunan yang memberi penekanan kepada manusia dan sistem sosialnya. Ia dihubungkan dengan pelbagai strategi, program dan aktiviti yang menekankan kepada pengisian nilai-nilai yang akan mempertingkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan dalam erti kata sebenar. Proses transformasi sosial, urbanisasi dan globalisasi telah memberi implikasi yang ketara kepada masyarakat semasa dan kebanyakan negara, kini sedang berusaha untuk mengimbangkan pembangunan sosial dan kemajuan ekonomi.

4.1 Transformasi Pembangunan Dasar Sosial di Malaysia

Pembangunan memang menjadi satu perkara penting dalam perkembangan Malaysia sebelum dan selepas merdeka. Hanya selepas kemerdekaan pada tahun 1957, pembangunan di Malaysia menjadi lebih terancang dan menepati kehendak serta keperluan masyarakat tempatan. Pelbagai dasar, strategi dan program terancang diperkenalkan dan dibangunkan untuk mengisi kemerdekaan negara (Hazizan, 2005). Terdapat dua fasa pembangunan yang telah dilaksanakan oleh Malaysia bagi mengubah lanskap pembangunan sosial masyarakat dan negara. Fasa pertama ialah sejak merdeka hingga 1969 dan fasa kedua dari 1970 hingga 1990.

Fasa Pertama: 1957 hingga 1969

Dalam fasa pertama ini, Malaysia telah memperkenalkan tiga Rancangan Pembangunan bagi mengubah keadaan sosial masyarakat. Rancangan-rancangan itu merangkumi Rancangan Malaya Pertama yang dilancarkan selepas pilihan raya pertama pada 1955, Rancangan Malaya Kedua 1961-1965 dan Rancangan Malaysia Pertama 1966-1970. Oleh kerana tujuan utama dasar pembangunan ketika itu adalah peningkatan taraf hidup masyarakat, dasar-dasar yang dibentuk selepas itu adalah bersifat ekonomi. Antaranya ialah mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi, mengurangkan ketakstabilan

ekonomi yang disebabkan oleh perubahan dalam pasaran eksport, mengurangkan kadar pengangguran dengan menambah peluang pekerjaan dan mengimbangi agihan pendapatan dan kekayaan secara lebih saksama. Walaupun tumpuan utama dasar pembangunan adalah aspek ekonomi, ia dengan sendirinya bermaksud dapat memperbaiki aspek lain seperti pendidikan, kesihatan dan keadaan sosial masyarakat. Walau bagaimanapun, sebagai pembuka jalan, semua rancangan dan dasar pembangunan awal selepas merdeka tidak dianggap sempurna sebaliknya sebagai langkah awal ke arah transformasi yang lebih besar.

Fasa Kedua: 1970 hingga 1980

Langkah drastik yang diambil oleh kerajaan Malaysia ialah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk memperbaiki ketakseimbangan sosioekonomi yang wujud antara kaum. Pelaksanaan ini telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Dari segi sosial, matlamat akhir DEB ialah membina dan mencapai perpaduan kaum melalui pembasmian kemiskinan masyarakat dan menyusun semula sebuah masyarakat Malaysia dengan identiti tanpa dikaitkan dengan fungsi ekonomi dan penempatan.

Transformasi sosioekonomi ialah perubahan yang berlaku di dalam sistem pengendalian sumber kekayaan sesebuah negara kesan daripada pembangunan masyarakat yang tersusun. Transformasi sosioekonomi dan perubahan nilai yang berlaku dalam masyarakat Malaysia sejak tahun 1980-an disebabkan perubahan dinamik dalam pelbagai aspek kehidupan yang membawa Malaysia ke satu era baru pembangunan dinamik dan progresif. Pelbagai rancangan pembangunan telah dilancarkan bagi tujuan memberi ruang yang luas kepada perubahan nilai dan transformasi sosial masyarakat Malaysia, di samping meningkatkan keyakinan diri, produktiviti dan daya saing masyarakat dan negara. Evolusi sosial yang berlaku dalam masyarakat disebabkan pengaruh perubahan nilai mengikut tahap perubahan yang dicapai. Masyarakat Malaysia telah mengalami suatu perubahan daripada bergantung kepada pertanian menuju kepada perindustrian; daripada perindustrian kepada teknologi maklumat; dan daripada teknologi maklumat kepada masyarakat berpengetahuan.

4.2 Peranan Kerajaan dalam Transformasi Dasar Sosial

Kerajaan Malaysia terus melaksanakan program meningkatkan pendapatan serta menyediakan latihan kemahiran dan kerjaya di bawah skim pembangunan kesejahteraan rakyat. Antaranya ialah program Lonjakan Mega Luar Bandar di Pulau Banggi, Sabah. Projek

Agropolitan ini dilaksanakan untuk mencapai matlamat menghapuskan kemiskinan tegar di negeri itu (KKLW, 2010). Kemiskinan tegar di Sabah dan Sarawak juga telah dikurangkan dengan ketara. Di Sabah, jumlah isi rumah miskin tegar dikurangkan daripada 32,400 pada tahun 2004 kepada 18,100 pada tahun 2007. Di Sarawak, jumlah tersebut berkurangan daripada 5,200 kepada 3,600. Sebagai satu langkah kerajaan meringankan lagi beban kewangan golongan berpendapatan rendah, isi rumah yang membayar bil elektrik dua puluh ringgit dan ke bawah sebulan tidak perlu membayar bil elektrik, berkuat kuasa 1 Oktober 2008 sehingga akhir 2009 (Malaysia, 2010).

Bagi perumahan pula, dalam tempoh 2006 hingga 2008, sebanyak 3,500 rumah baru telah dibina dan dua ribu rumah dibaik pulih di bawah program bantuan rumah untuk membantu keluarga miskin tegar memiliki rumah kediaman yang selesa. Pada tahun 2009, peruntukan lima puluh juta ringgit disediakan untuk membina 1,400 rumah baru dan membaik pulih seribu buah rumah. Keutamaan diberi kepada golongan tua, uzur, cacat dan ibu atau bapa tunggal yang mempunyai ramai tanggungan serta mangsa bencana alam.

4.3 Dasar Sosial Negara Malaysia

Dasar Sosial Negara merupakan dasar payung yang merangkumi falsafah dan pelbagai dasar pembangunan sosial negara. Dasar ini memberi hala tuju kepada perancangan dan pelaksanaan program pembangunan sosial tersebut. DSN dilancarkan secara rasmi pada 19 Ogos 2003 dan diletakkan di bawah Bahagian Pengembangan dan Pembangunan PINTAS, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Matlamat DSN ialah mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang maju dan mantap dengan setiap anggota masyarakat berpeluang untuk memperkembangkan potensi diri secara optimum di dalam persekitaran sosial yang sihat berdasarkan ciri-ciri bersatu padu, berdaya tahan, demokratik, bermoral, bertoleransi, progresif, penyayang, adil dan saksama selaras dengan matlamat Wawasan 2020. Pernyataan dasar merumuskan bahawa DSN ialah dasar pembangunan sosial yang berteraskan nilai-nilai murni dan peningkatan keupayaan insan bagi mencapai kesepaduan dan kestabilan sosial, ketahanan nasional dan kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia yang maju serta mantap.

Jadual 1: Latar belakang penubuhan Dasar Sosial Negara Malaysia

Tahun	Pelaksanaan
1990-an	Perbincangan isu-isu sosial dan keperluan satu dasar sosial negara
1996	Penubuhan J/k Kabinet Bagi Membanteras Masalah Sosial (JKMMS)
1998	JPPN membincangkan perlunya ada DSN UPE minta KPNPM menggubal DSN
1999	KPNPM menganjurkan bengkel DSN Pelantikan Pakarunding PINTAS
2002	Pakarunding PINTAS menghasilkan draf DSN Pasukan Petugas Khas di KPNPM DSN, jentera pelaksanaan dan pendekatan dibentangkan kepada JKMMMS
2003	DSN diluluskan oleh Jemaah Menteri (19 Februari) DSN dilancarkan secara rasmi (19 Ogos)

Objektif umum DSN ialah menjamin setiap individu dapat menyertai dan memberi sumbangan kepada pembangunan negara serta menikmati hidup yang sejahtera. Manakala objektif khusus ialah memastikan keperluan asas individu, keluarga dan komunikasi dipenuhi, membangun dan memperkasa insan sepanjang hayat, memperkukuh dan membangunkan sistem sokongan sosial dan perkhidmatan sosial serta menjana sinergi multisektor. Pembangunan sosial yang diketengahkan dalam Dasar Sosial Negara ini mengenengahkan 45 strategi melalui pelbagai program, aktiviti dan projek yang dirancang mengikut Pelan Tindakan DSN yang memberi perkhidmatan sosial dalam aspek kebajikan masyarakat, kesihatan, pendidikan, pekerjaan, perumahan, penghayatan nilai dan budaya, keselamatan serta persekitaran yang sihat.

Jadual 2: Program-program yang dilaksanakan oleh KPWK M

Program/Aktiviti	Objektif DSN	Agensi
Bantuan Kebajikan	1- Basic needs	JKM
Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)	1- Basic needs 2- Empowerment	
Pusat Aktiviti Kanak-Kanak	3- Social support 4- Multi synergy	
Kafe@Teen	2- Empowerment 4- Multi synergy	
SmartStart	2- Empowerment	LPPKN
AIRIS	2- Empowerment	JPW
I-Kit	2- Empowerment	
Jejari Bestari	2- Empowerment	

5.0 PEMBANGUNAN SOSIAL DI INDONESIA

Di Indonesia, pembangunan sosial telah ditetapkan dalam dasar negara iaitu Pancasila yang menjelaskan bahawa keadilan sosial merupakan hak semua warganegara untuk memperolehnya, iaitu “Keadilan sosial bagi seluruh rakyat Indonesia.” Dengan demikian, ukuran pembangunan sosial tidak ditujukan kepada sesebuah kelompok masyarakat tetapi ianya menyeluruh termasuk pembangunan sosial masyarakat di pelbagai bidang (Edy Kusnadi, 2008). Dalam Garis-Garis Besar Haluan Negara (GBHN) tahun 1993 telah menggariskan bahawa pembangunan nasional di Indonesia dilaksanakan di seluruh negara dan tidak hanya satu golongan atau sebahagian daripada masyarakat sahaja yang menikmatinya. Selain itu dijelaskan juga, pembangunan nasional adalah pembangunan dari rakyat yang dilaksanakan oleh rakyat dan dikembalikan kepada rakyat yang merangkumi ekonomi, sosial, budaya, politik dan sebagainya bertujuan meningkatkan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan terpenuhinya rasa aman, damai dan keadilan bagi seluruh rakyat (GBHN, 2011).

Melalui strategi baru ini, pembangunan kesejahteraan sosial bukan lagi bersifat “top-down” tetapi ianya membuat keseimbangan antara pemberi perkhidmatan dan penerima untuk bersama-sama meningkatkan pembangunan kesejahteraan sosial. Sasaran daripada pembangunan ini adalah masyarakat miskin, kurang upaya, hidup terlantar, warga emas, mangsa bencana alam dan pelarian. Dalam sasaran pembangunan kesejahteraan sosial ini, asas pembangunan bukan hanya ditujukan kepada masyarakat yang berada di kawasan bandar dan luar bandar semata-mata, malah kepada masyarakat yang hidup di bawah garis kesejahteraan dari segi teknologi, pendidikan, kesihatan, kemudahan awam dan sebagainya. Oleh itu, Kementerian Sosial selain daripada membangunkan masyarakat di kawasan maju, ia juga membangunkan kesejahteraan sosial masyarakat yang hidup jauh dari kemajuan dan kesejahteraan. Melihat kesungguhan dasar sosial kerajaan Indonesia untuk membangunkan kesejahteraan masyarakat yang sangat sempurna, pelaksanaannya belum menjamin kejayaan yang menyeluruh dan merata. Perkara ini dapat dilihat apabila masih ramai yang belum menerima faedah pembangunan yang dilaksanakan.

5.1 Pembangunan Sosial di Era Orde Lama (1945-1965)

Sejak merdeka pada tahun 1945 hingga 1965, pembangunan di Indonesia belum dapat meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Ia berlaku kerana kerajaan memberi perhatian yang lebih kepada pembangunan bangsa, politik dan sosiobudaya. manakala pembangunan untuk

meningkatkan kesejahteraan rakyat terutama meningkatkan produktiviti nasional, mengekang inflasi, menyediakan keperluan asas masyarakat seperti makanan, pakaian, perumahan dan kesihatan belum mendapat perhatian yang khusus dan serius daripada kerajaan. Krisis politik dan ekonomi selepas tahun 1950-an menyebabkan kadar inflasi meningkat hampir 600 peratus pada 1965.

Bagi period 1961-64, perkembangan ekonomi amat perlahan dan tahun 1965 menunjukkan hanya sektor pertanian yang berkembang. Sistem berpusat dan rangkaian dasar yang bersifat umum merupakan punca kegagalan pembangunan kesejahteraan rakyat khasnya pembangunan masyarakat luar bandar. Di samping itu, kegagalan pembangunan luar bandar ini disebabkan kerana kawasan atau wilayah yang luas dan terdapat perbezaan sistem sosial dalam masyarakat di setiap negeri.

5.2 Pembangunan Sosial di Era Orde Baru (1966-1998)

Dari tahun 1965 hingga 1998, banyak perubahan yang dilakukan Soeharto bagi menyokong usaha-usaha pembangunan dalam bidang ekonomi seperti mengurangkan inflasi, membawa masuk modal asing dan teknologi baru, meningkatkan kerjasama dengan negara-negara luar, menambah hasil pendapatan dalam negeri, meningkatkan kualiti pendidikan dan memperkuat kestabilan politik. Pada masa ini, pembangunan nasional di Indonesia dilakukan secara bertahap iaitu jangka masa panjang selama 25 tahun yang juga dipanggil sebagai Rancangan Jangka Panjang (RJP) dan jangka masa pendek yang dikenali sebagai Rencana Pembangunan Lima Tahun (Repelita).

Seterusnya Soeharto menyusun rancangan dengan pembangunan yang terkandung dalam Anggaran Pendapatan Belanja Negara (APBN). Sistem pentadbiran dilaksanakan secara dekonsentrasi, desentralisasi dan pemberian autonomi yang luas dan bertanggungjawab. Pembangunan ekonomi Indonesia selama 32 tahun di era Orde Baru dengan menggunakan teori "*trickle down effect*" mengalami kegagalan. Hasil-hasil pembangunan hanya dinikmati sebahagian kecil masyarakat. Sebahagian besarnya tidak mendapat manfaat yang cukup daripada pembangunan yang dijalankan. Masalah terjadi kerana konsep pembangunan yang dijalankan oleh Orde Baru hanya mengejar pertumbuhan ekonomi yang tinggi (Musni Umar, 2007).

Migrasi ke bandar juga mencipta masalah besar kerana mewujudkan pengangguran. Pertambahan penduduk di bandar mencetuskan "*floating mass*", istilah yang diberikan oleh Hans-Dieter Evers (1980) yang merujuk kepada kelompok yang berpotensi memberi kesan

kepada kestabilan politik Indonesia. Pada era Soeharto, pencapaian ekonomi Indonesia menunjukkan kemajuan yang jauh lebih baik berbanding Sukarno.

5.3 Pembangunan Sosial di Era Reformasi

Sasaran pembangunan ini ialah pembangunan sistem bernegara dan penegakan undang-undang, demokrasi, hak asasi manusia, pembangunan ekonomi rakyat, pembangunan sosial budaya dan ketahanan nasional. Era reformasi wujud secara kebetulan iaitu seiring dengan gerakan dan aksi reformasi yang dijalankan oleh mahasiswa pada tahun 1998 sehingga jatuhnya presiden Soeharto dan digantikan oleh BJ Habibie dari 1998 hingga 1999.

Ketika Habibi, pembangunan di Indonesia hampir tidak terjadi kerana pada masa itu adalah masa peralihan. Kerajaan lebih banyak memberi perhatian kepada urusan politik dan memenuhi tuntutan reformasi yang dilakukan oleh mahasiswa. Krisis yang terjadi ketika itu ialah pemisahan Timor Timur, pilihan raya disegerakan dan pengubahsuaian sistem pemerintahan dari berpusat kepada desentralisasi (autonomi). Konsep dan dasar autonomi daerah adalah memberi kuasa kepada daerah untuk merancang dan melaksanakan pembangunan daerahnya sesuai dengan yang dikehendaki. Kerajaan pusat akan membantu dan memelihara kegiatan-kegiatan yang tidak mungkin dilaksanakan di daerah seperti kewangan, pembangunan jalan raya antara bandar dan sistem pengairan merentas wilayah.

5.4 Pembangunan Sosial Abad Ke-21

Selepas Orde Baru, kerajaan Indonesia gagal membangunkan secara seimbang wilayah-wilayah yang ada. Hala tuju pembangunan terlampau bersifat bandar sehingga penghasilan ekonomi banyak di bandar menyebabkan kadar migrasi meningkat. Justeru, produktiviti di luar bandar amat rendah menyebabkan pembangunan antara wilayah tidak seimbang. Hasil kajian mendapati bahawa matlamat dalam menyelesaikan isu kemunduran luar bandar masih memberi perhatian kepada usaha-usaha ke arah menghapuskan kemiskinan, meningkatkan taraf pendidikan, memanfaatkan sumber alam, pembangunan infrastruktur dan pemulihan institusi luar bandar serta penglibatan masyarakat desa dalam pembangunan. Pembangunan yang diterapkan masih tertumpu di bandar dan cenderung kepada kapitalis.

5.5 Sistem Jaminan Sosial Nasional Indonesia

Sistem Jaminan Sosial Nasional (SJSN) merupakan sistem jaminan sosial yang dimulakan sejak tahun 2004 apabila Undang-Undang Nombor 40 ditetapkan oleh kerajaan Indonesia. SJSN menggantikan program-program jaminan sosial yang dilaksanakan sebelum itu seperti Jaminan Sosial Tenaga Kerja (Jamsostek), Dana Tabungan dan Asuransi Pegawai Negeri (Taspen), Asuransi Sosial Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (Asabri) dan Asuransi Kesihatan Indonesia (Askes). Jaminan sosial yang dibentuk ini merupakan satu bentuk perlindungan sosial untuk menjamin keseluruhan rakyat Indonesia supaya keperluan hidup dapat dipenuhi.

Program jaminan sosial nasional (Jamsosnas) ini meliputi enam asas utama iaitu, 1) saling menolong (gotong-royong) iaitu peserta yang lebih kaya akan membantu peserta yang kurang mampu, peserta yang mempunyai risiko kecil akan membantu peserta yang mempunyai risiko lebih besar serta peserta yang sihat akan membantu peserta yang sakit, 2) kepesertaan wajib iaitu semua penduduk negara Indonesia secara beransur-ansur akan diwajibkan untuk mengambil bahagian dalam program-program Jamsosnas, 3) dana amanah iaitu sejumlah dana yang dikumpulkan daripada peserta akan dikelolakan oleh beberapa Badan Pengelola Jamsosnas yang digunakan untuk meningkatkan kesejahteraan peserta, 4) nirlaba (berhemah) iaitu digunakan untuk memenuhi keperluan jaminan sosial seluruh peserta, 5) keterbukaan iaitu bersifat pengurangan risiko, akauntabiliti, cekap dan berkesan, dan 6) portabiliti (mudah alih) iaitu peserta akan terus menjadi ahli program Jamsosnas tanpa mengambil kira jumlah pendapatan dan status pekerjaan. SJSN mencakupi lima program yang dibahagikan kepada jangka masa penjang dan pendek. Program dalam jangka masa panjang ialah Jaminan Hari Tua, Jaminan Pensiun dan Jaminan Kematian manakala dalam jangka masa pendek meliputi Jaminan Kesihatan dan Jaminan Kecelakaan Kerja.

Program Jaminan Hari Tua dikhususkan sebagai pengganti kepada keupayaan melakukan kerja disebabkan oleh meninggal dunia, cacat atau telah mencapai umur persaraan yang diselenggarakan melalui sistem tabungan warga emas. Program ini memastikan peserta menerima wang ketika mencapai usia 55 tahun ataupun telah mematuhi syara-syarat yang ditetapkan. Program Jaminan Pensiun adalah pembayaran berkala jangka panjang sebagai gantian dari penurunan atau kehilangan keupayaan kerana peserta mencapai usia tua (bersara), kecacatan atau meninggal dunia. Tujuan perkhidmatan ini adalah untuk keadaan kehidupan yang lebih baik ketika memasuki umur persaraan tau sebab-sebab lain yang menyebabkan mereka hilang

pendapatan. Program Jaminan Kematian diperuntukkan kepada waris peserta program yang meninggal dunia bukan disebabkan kemalangan di tempat kerja. Jaminan Kematian untuk meringankan beban keluarga sama ada dalam bentuk pengkebumian ataupun pemberian saguhati berbentuk wang. Program ini bersifat jangka pendek sebagai pelengkap program jaminan hari tua.

Manakala Program Jaminan Pemeliharaan Kesihatan adalah suatu program kerajaan dan masyarakat dengan tujuan memberikan jaminan perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh bagi setiap rakyat Indonesia agar dapat hidup sihat, produktif dan sejahtera. Ia bermula dari pencegahan, perkhidmatan di klinik kesihatan, perubatan dan keperluan alat-alatan yang meningkatkan fungsi tubuh badan. Faedahnya ialah setiap ahli masyarakat memiliki kesihatan tubuh badan dan produktif. Bagi Program Jaminan Kecelakaan Kerja, ia dirangka untuk memberi pampasan dan pemuliharaan kepada individu yang mengalami kemalangan semasa bekerja atau mengalami penderitaan yang disebabkan oleh penyakit ketika bekerja sama ada melibatkan fizikal ataupun mental. Keselamatan pekerja merupakan tanggungjawab majikan dan mereka perlu membuat simpanan di antara 0.24 peratus hingga 1.74 peratus sebagai wang jaminan kemalangan di tempat kerja.

Pelaksanaan SJSN ialah melalui penubuhan Dewan Jaminan Sosial Nasional (DJSN) dengan cara bertindak sebagai penunjang kepada matlamat dan objektif penubuhan SJSN. Agensi ini bertanggungjawab kepada Presiden Indonesia dengan melaporkan hasil pelaksanaan kerja setiap enam bulan atau mengikut keperluan presiden.

6.0 PENUTUP

Pelaksanaan dasar sosial di Malaysia dan Indonesia masih melihat pembangunan ekonomi sebagai teras kepada pembangunan dan kemajuan negara keseluruhannya. Namun, strategi yang diguna pakai oleh kedua-dua buah negara banyak ditentukan oleh keinginan politik melalui dinamika agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan. Wawasan 2020 yang hendak dicapai oleh Malaysia dilihat telah mempercepatkan keinginan tersebut kerana kesejahteraan komuniti telah diberi perhatian oleh kerajaan berbanding 30 tahun lalu. Indonesia juga sedang mengalami transformasi sistem politik yang mantap apabila rakyat negara itu memilih kaedah desentralisasi sebagai pemangkin kepada pembangunan sosial negara pada permulaan abad ke-21.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. (2003). *Pembangunan dan Kesejahteraan: Agenda Kemanusiaan Abad Ke-21*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bank Dunia. (2012). *The World Bank of Malaysia*. New York.
- Berita Harian, 4 September 2012. Dua kriteria nilai model pembangunan.
- Bernama. (2012). Penetapan Gaji Minima Pekerja Swasta Pemangkin Kepada Peningkatan Produktiviti. Diakses dari http://1malaysia.com.my/news_archive/penetapan-gaji-minima-pekerja-swasta-pemangkin-kepada-peningkatan-produktiviti/ pada 7 September 2012.
- Chatterjee dan Vadapalli. (2009). "The Impact of Social Policy" In *Handbook of Social Policy* by Midgley, J. and Livermore, M. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Edy Kusnadi. (2008). *Pembangunan sosial masyarakat Kubu di Desa Nyogan Kabupaten Muaro Jambi, Provinsi Jambi, Indonesia*. PhD yang tidak diterbitkan. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Garis-Garis Besar Haluan Negara 1993-1998 <http://tatanusa.co.id/tapmpr/93TAPMPR-II.pdf>, Indonesia. Majelis Permusyawaratan Rakyat. Diakses pada 20 Oktober 2011.
- Gil, D.G. (1981). *Unravelling social policy: Theory, analysis and political action towards social equality*. Cambridge, MA: Schenkman.
- Hans-Dieter, E. (1980). Produksi Subsistensi dan Massa Apung Jakarta. *Prisma*, no. 6 (Jun 1980). pp. 35-43.
- Haris Abd. Wahab. (2010). *Kesejahteraan sosial dan pembangunan komuniti: pendekatan dan indikator*. Dalam Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejangat, 24-25 Februari 2010, Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei Darussalam.
- Hazizan Md Noon. 2005. Kesaksamaan Sosial, Pembasmian Kemiskinan dan Islam Hadhari. *ISM Minda*, 3(6). Kuala Lumpur: Institut Sosial Malaysia.
- Ishak Shari. (1999). *Bumi Semua Manusia: Menangani Ketidaksetaraan Ekonomi Dalam Arus Globalisasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- John Bryan Starr. (2010). *Understanding China [3rd Edition]: A Guide to China's Economy, History, and Political Culture*. New York, USA: Farrar, Straus and Giroux.
- Latrids. (1994). *Social Policy Institutional Context of Social Advancement*. Zambia: Lusaka Muotimedia Publishers.

- Malaysia. (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysia. (2010). *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2010-2015*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- Mengkui Wang. (2006). *China's Economy*. Beijing, China: China Intercontinental Press.
- Midgley, J. and Livermore, M. (2009). *Handbook of Social Policy*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Midgley, J. (1997). *Social Welfare in Global Context*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Midgley, J. and Hall, L. (1995). *Social Development: The Developmental Perspective in Social Welfare*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Musni Umar. (2007). *Demokrasi dan Islam di kalangan komuniti miskin di Solo*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. (2011). *Report on the world social situation, 2010*. New York.
- Program Lonjakan Mega Luar Bandar melalui Program Agropolitan diakses dari <http://www.rurallink.gov.my/fakta-kklw> pada 20 September 2012.
- Shireen Mardziah Hashim. (1998). *Income Inequality and Poverty in Malaysia*. Oxford, UK: Rowman & Littlefield Publishers, Inc.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2005). *Dasar sosial dan penyampaian perkhidmatan manusia*. Dalam Roziah Omar, Sivamurugan Pandian (eds) *Malaysia isu-isu sosial semasa*. Kuala Lumpur: Institut Sosial Malaysia.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2006). *Kebajikan Sosial: Aplikasi dalam Perkhidmatan Manusia*. Kuala Lumpur: Penerbit Univeriti Malaya.
- Unit Perancang Ekonomi. (2011). Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.
- Zainal Kling. (2005). Islam Hadhari dan Pembangunan Sosial: Nilai dan Modernisasi. *ISM Minda*, 3(6). Kuala Lumpur: Institut Sosial Malaysia.
- Zhongmin Wu. (2009). *China in the World Economy*. New York, USA: Routledge.

